

27/11/2001

Kerajaan kaji syor beri ubat cegah HIV untuk mangsa rogol

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan hari ini bersetuju mengkaji secara terperinci saranan untuk memberi ubat mencegah jangkitan HIV kepada mangsa rogol bagi mengelak mangsa rogol terdedah kepada jangkitan virus itu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed, berkata kementerian akan mengadakan perbincangan dengan Majlis Aids Malaysia (MAM) tidak lama lagi berhubung cadangan itu.

Bagaimanapun, kata beliau, pihaknya harus mengkajinya terlebih dahulu kerana ia membabitkan protokol dan undang-undang selain menimba pengalaman negara yang sudah melaksanakan peraturan itu.

"Kita mahu lihat bagaimana prosedur pencegahan itu diamalkan di luar negara sebelum dilaksanakan di Malaysia. Pada dasarnya, kita bersetuju serta mengalu-alukan cadangan ini dan kita berharap perbincangan mengenainya disegerakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir, semalam berhubung cadangan pertubuhan itu supaya mangsa rogol diberi ubat mencegah jangkitan HIV bagi mengelakkan mereka terdedah kepada jangkitan virus berkenaan.

(END)